

# **BUKU RANCANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

**Kelab Kewangan Pelajar Sekolah untuk Pelajar Sekolah Rendah**



## Prakata

Ilmu mengenai pengurusan kewangan adalah penting memandangkan setiap individu perlu membuat keputusan kewangan dalam kehidupan seharian. Setiap individu harus tahu hak dan tanggungjawab masing-masing dalam menguruskan kewangan dan masa yang paling sesuai untuk mendidik setiap individu ialah semasa di bangku sekolah lagi.

Usaha sama antara Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Bank Negara Malaysia untuk mendedahkan para pelajar kepada pendidikan kewangan telah dijalankan lebih dari 10 tahun. Usaha sama yang merupakan satu agenda nasional ini, telah dimulakan dengan Program Sekolah Angkat (PSA) pada tahun 1996 yang menyaksikan semua sekolah Kerajaan diambil sebagai sekolah angkat oleh institusi kewangan. PSA digiatkan lagi dengan penubuhan Kelab Kewangan Pelajar Sekolah (KKPS) pada tahun 1999. KKPS memainkan peranan penting sebagai platform bagi mendidik pelajar tentang kewangan dan perbankan melalui aktiviti kokurikulum.

Bank Negara Malaysia dengan kerjasama KPM dan institusi kewangan di bawah PSA telah berjaya menerbitkan Buku Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran KKPS. Kerjasama pintar antara 'smart partners' bagi menerbitkan buku ini amat relevan dan bertepatan dengan aspirasi Kerajaan untuk melahirkan generasi muda yang celik kewangan. Kami berharap buku ini dapat memudahkan guru penasihat dalam mengendalikan aktiviti KKPS.

Kandungan rancangan pengajaran dalam buku ini ialah hasil sumbangan guru-guru dari seluruh Malaysia semasa Bengkel Guru Penasihat KKPS yang telah diadakan di lima zon pada tahun 2007, anjuran Bank Negara Malaysia dengan sokongan KPM dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). Di samping itu, institusi kewangan yang terlibat dalam PSA juga telah turut sama memberi sumbangan dalam menyediakan beberapa rancangan pengajaran yang terdapat dalam buku ini.

Buku ini mengandungi cadangan aktiviti-aktiviti KKPS untuk panduan dan rujukan guru penasihat. Guru penasihat KKPS boleh mengubahsuai aktiviti-aktiviti yang dicadangkan, jika perlu bagi memenuhi keperluan pelajar-pelajar yang terlibat.

Memandangkan buku ini adalah terbitan yang pertama, kami juga mengalu-alukan maklum balas daripada semua pihak demi memperbaiki lagi mutu dan kesesuaian buku ini. Sebarang cadangan atau komen, boleh dikemukakan kepada kami di alamat berikut:

**Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran**  
**Tingkat 7, Blok A**  
**Bank Negara Malaysia**  
**Jalan Dato' Onn**  
**50480 Kuala Lumpur**

Akhir kata, pihak Bank Negara Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada KPM, JPN, guru-guru dan institusi kewangan yang terlibat yang telah memberi sokongan padu dalam merealisasikan penerbitan pertama Buku Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran KKPS ini.

Sekian, terima kasih.

*Bank Negara Malaysia*  
*Mac 2008*

## Kandungan

1. Matlamat Kewangan Saya .....	1
2. Membuat Tabung.....	4
3. Hikmah Menabung .....	7
4. Buku Wang Saku .....	12
5. Mendaftar Keahlian <i>duitsaku.com</i> .....	15
6. Pengenalan Wang Kertas .....	17
7. Mata Wang Malaysia .....	24
8. Pengenalan Duit Syiling dan Fungsinya.....	30
9. Pengenalan Mata Wang Asing.....	35
10. Kad Kredit.....	43
11. Amalan Berjimat Cermat .....	48
12. Dunia Cyber Insurans Hayat.....	53
13. Menabung Menjamin Masa Depan .....	61

## TAJUK1: MATLAMAT KEWANGAN SAYA

### Peruntukan masa:

Aktiviti ini mengambil masa selama satu jam.

### Objektif:

Pada akhir pembelajaran ini, murid-murid akan dapat:

1. Menilai kepentingan wang.
2. Merancang perbelanjaan dengan bijak.
3. Menjejaki ke mana wang saku mereka dibelanjakan.
4. Membezakan cara berbelanja yang berhemat dan yang kurang bijak

### Persediaan awal:

Guru harus menyediakan:-

1. Cek contoh
2. Wang contoh
3. Kertas mahjong
4. Pen *Marker*

### Set induksi/pengenalan:

1. Guru mengemukakan soalan "Andainya anda mempunyai wang sebanyak RM50, bagaimana wang itu akan dibelanjakan?"
2. Guru meletakkan beberapa keping wang contoh dalam nilai yang berlainan seperti RM1, RM2, RM5, RM10, RM50, RM100 di atas meja secara rawak.
3. Guru meminta lima orang murid datang ke hadapan. Setiap murid diminta mengambil wang berjumlah RM50.
4. Murid dikehendaki menyatakan apa yang boleh dilakukan dengan wang sebanyak RM50. Berdasarkan jawapan murid, guru memberikan rumusan dan mengaitkan dengan aktiviti yang akan dijalankan pada hari ini.  
Contoh rumusan, guru merumuskan bahawa wang perlu dibelanjakan secara bijak. Membeli mengikut keperluan dan bukannya mengikut kehendak. Menyimpan adalah lebih baik daripada membeli barangan yang kurang penting (seperti permainan).

### Pengenalan aktiviti:

Guru hendaklah menerangkan kepada pelajar, aktiviti yang akan dijalankan ialah berkenaan dengan pengurusan wang berjumlah RM50.

### Aktiviti 1

1. Guru membahagikan murid kepada lima kumpulan.
2. Guru mengedarkan tajuk perbincangan dan cek contoh bernilai RM50 kepada setiap kumpulan.



3. Murid dikehendaki menyediakan satu peta minda, bagaimana murid menguruskan dan mengagihkan wang RM50.

Contoh:

- a) Tabungan
  - b) Derma
  - c) Pendidikan (alat tulis)
  - d) Keperluan asas (makan dan minum)
  - e) Tambang bas
- (Sila rujuk lampiran 1 untuk contoh peta minda)

### **Aktiviti 2**

1. Wakil setiap kumpulan akan membentangkan hasil perbincangan. Murid lain diminta mendengar dan memberi perhatian semasa pembentangan dijalankan.
2. Guru membuat ulasan berdasarkan hasil pembentangan semua kumpulan. Contoh ulasan guru, murid perlu mengagihkan wang RM50 tersebut mengikut kepentingan seperti 20 peratus untuk tabungan, 30 peratus untuk pendidikan, 35 peratus untuk keperluan asas, 5 peratus untuk derma dan 10 peratus untuk tambang bas.

### **Aktiviti 3**

1. Murid diminta menyatakan kebaikan merancang dan akibat tidak membuat perancangan yang bijak.
2. Guru membuat ulasan berdasarkan jawapan murid.

Contohnya:

<b>Kelebihan Merancang Kewangan</b>	<b>Akibat Tidak Merancang Kewangan</b>
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Murid tahu antara keperluan dan kehendak</li><li>2. Mempunyai tabungan / simpanan</li><li>3. Elakkan pembaziran</li><li>4. Jumlah wang akan mencukupi</li><li>5. Keselesaan sepanjang hayat</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Sentiasa kekurangan wang</li><li>2. Wujud hutang, contohnya along</li><li>3. Wujud masalah sosial, contohnya pembunuhan, ragut, penderaan</li><li>4. Terus mewarisi kemiskinan</li><li>5. Gagal meneruskan pelajaran</li></ol>

### **Penutup:**

1. Guru membuat rumusan mengenai kepentingan mengurus kewangan dengan bijak.
2. Guru memberi nasihat kepada pelajar tentang kepentingan mengurus kewangan dari usia muda.

Contohnya: Perancangan kewangan yang bijak sangat penting. Tanpa perancangan yang betul, seseorang akan mengalami masalah kewangan yang mungkin akan membawa kepada masalah sosial. Pengurusan kewangan yang bijak menjamin keselesaan sepanjang hayat.


---

### **Disediakan oleh:**

Guru yang menghadiri Bengkel Guru Penasihat Kelab Kewangan Pelajar Sekolah, Zon Utara, Kedah, 17 - 19 April 2007

## Lampiran I

### Peta Minda



## TAJUK 2: MEMBUAT TABUNG

### Peruntukan masa:

Aktiviti ini mengambil masa kira-kira 1 jam.

### Objektif:

Pada akhir pembelajaran ini, murid-murid akan dapat:

1. Menghasilkan sebuah tabung yang menarik.
2. Menjimatkan wang dengan menggunakan tabung buatan sendiri.
3. Menggunakan tabung untuk menyimpan wang (menanamkan sifat suka menabung/menyimpan)

### Persediaan awal:

1. Guru menyediakan slaid penyampaian.
2. Pelajar ditugaskan menyediakan bahan seperti buluh, kertas warna, gam dan cat.

### Set induksi/pengenalan:

1. Guru menyanyi bersama murid-murid lagu mengikut melodi lagu 'Mari Mengundi'

### Lirik Lagu

Marilah mari kita menabung  
Tunaikanlah kewajipan diri sendiri  
(Ulang 3 kali)

2. Guru berbincang dengan murid mengenai pengurusan kewangan seperti berikut:
  - i. Kebaikan menyimpan wang dalam tabung.

Contoh jawapan

- a. Menyimpan dalam jumlah yang kecil
- b. Secara berterusan
- c. Memupuk sikap berjimat cermat

- ii. Kebaikan menyimpan wang dalam bank.

Contoh jawapan

- a. Lebih selamat
- b. Mendapat keuntungan

- ii. Kebaikan mengurus wang dengan betul.

Contoh jawapan

- a. Boleh digunakan semasa kecemasan
- b. Boleh digunakan apabila diperlukan



iii. Kepentingan wang dalam kehidupan seharian.

Contoh jawapan

- a. Untuk perbelanjaan harian
- b. Untuk kecemasan
- c. Untuk melancong
- d. Untuk meningkatkan taraf hidup
- e. Untuk perubatan
- f. Untuk pendidikan
- g. Untuk tabungan dan pelaburan

### **Pengenalan aktiviti:**

Guru menerangkan aktiviti membuat tabung serta kegunaannya menerusi tayangan slaid.

### **Aktiviti 1**

Membuat tabung buluh

Langkah-langkahnya

1. Sediakan seruas buluh.
2. Ambil pisau dan tebuk lubang di bahagian sisi buluh (rujuk gambar rajah pada lampiran 1).
3. Tebuk tiga lubang kecil sebagai penanda aras dengan menggunakan paku.
4. Hias tabung menggunakan cat/warna bagi menunjukkan aras.
5. Hias tabung mengikut kreativiti murid.

### **Penutup:**

1. Mempamerkan hasil kerja kumpulan masing-masing.
2. Kumpulan yang berjaya akan diberi hadiah.
3. Hasil kerja kumpulan yang berjaya akan dipamerkan di sudut Kelab Kewangan Pelajar Sekolah.


---

### **Disediakan oleh:**

Guru yang menghadiri Bengkel Guru Penasihat Kelab Kewangan Pelajar Sekolah,  
Zon Utara, Kedah, 17 - 19 April 2007

## Lampiran 1

### Gambar Rajah Tabung Buluh



## TAJUK 3: HIKMAH MENABUNG

### Peruntukan masa:

Aktiviti ini mengambil masa selama satu jam.

### Objektif:

Pada akhir pembelajaran ini, murid-murid akan dapat:

1. Menyenaraikan lima hikmah menabung
2. Mengamalkan nilai-nilai murni dalam pengurusan kewangan.

### Persediaan awal:

1. Kad Manila/kertas mahjong
2. Pen *Marker*

### Set induksi/pengenalan (5 minit):

Guru bersoal jawab bersama murid:

1. Adakah ibu bapa anda memberi wang saku?
2. Berapakah jumlah wang saku anda?
3. Berapakah jumlah wang saku yang telah anda belanjakan dan berapakah bakinya?
4. Apakah yang anda lakukan dengan baki wang tersebut?

Contoh jawapan yang mungkin diberi oleh murid:

- Simpan dalam tabung
- Beli hadiah
- Belanja kawan
- Pulangkan semula kepada ibu bapa

### Pengenalan Aktiviti

#### Langkah 1 (5 minit)

1. Guru memaparkan carta pantun.  
(*Sila rujuk lampiran 1*)
2. Guru meminta murid membaca dan memahami pantun tersebut.

#### Langkah 2 (20 minit)

1. Murid-murid dibahagikan kepada kumpulan kecil.  
(*Lima orang setiap kumpulan*)
2. Murid dikehendaki menyenaraikan hikmah menabung yang terdapat dalam pantun tersebut.  
(*Jawapan: menabung, mulia, berjimat-cermat, bijak, banyak faedah*)

#### Langkah 3 (15 minit)

1. Setiap kumpulan dikehendaki membentangkan hasil perbincangan.
2. Guru membuat ulasan hasil pembentangan murid.



#### **Langkah 4 (10 minit)**

1. Guru mengedarkan lembaran kerja.  
*(Sila rujuk lampiran 2)*
2. Guru memberi arahan kepada murid untuk mencari perkataan mengenai hikmah menabung yang tersembunyi.  
*(Arahan: Warnakan petak-petak yang mempunyai perkataan yang tersembunyi itu. Terdapat 10 perkataan semuanya)*

#### **Penutup ( 5 minit )**

Guru meminta murid menyebut lima hikmah menabung.  
Jawapan yang terdapat dalam pantun dan lampiran 2.

Contoh jawapan:

- mulia
- bijak
- jimat
- hemat
- rajin
- cekap
- bahagia
- ikhlas

---

#### **Disediakan oleh:**

Guru yang menghadiri Bengkel Guru Penasihat Kelab Kewangan Pelajar Sekolah,  
Zon Malaysia Timur, Sarawak, 27 - 29 Mei 2007

## **Lampiran 1**

### **Pantun: Hikmah Menabung**

Ke pasar Satok membeli gula  
Gula dibeli bersama cuka  
Sikap menabung amalan mulia  
Dapat membantu di hari muka

Jalan-jalan cari makan  
Cari makan di kedai Atan  
Sikap boros amalan syaitan  
Hendaklah jauhi jangan amalkan

Adik Abu menjual pegaga  
Pegaga dijual bersama mangga  
Berjimat-cermat dalam berbelanja  
Amalan dituntut oleh agama

Amalan menabung langkah yang bijak  
Hendaklah diamalkan tua dan muda  
Duit di tabung semakin banyak  
Labur di bank banyak faedahnya

## Lampiran 2

### Kelab Kewangan Pelajar Sekolah

Nama:..... Markah:.....

Kelas:.....

**Arahan:**

Warnakan 8 perkataan "Hikmah Menabung" yang tersembunyi.

- 1. JIMAT
- 2. BIJAK
- 3. RAJIN
- 4. CEKAP
- 5. MULIA
- 6. HEMAT
- 7. BAHAGIA
- 8. IKHLAS

J	T	A	T	A	M	R	E	C	B	C
I	S	D	E	F	G	P	A	H	I	I
M	M	J	K	L	A	M	M	N	O	K
A	J	P	Q	K	R	S	A	T	N	H
T	A	H	E	M	A	T	N	U	I	L
V	L	C	W	I	X	Y	A	Z	J	A
A	I	Z	L	Y	K	L	H	G	A	S
H	K	U	N	I	O	L	G	D	R	C
S	M	Y	B	I	J	A	K	A	Z	M
U	M	Y	F	A	I	G	A	H	A	B

### Lampiran 3

(Jawapan untuk rujukan guru)

Jawapan Pantun: Hikmah Menabung - seperti yang digariskan

Ke pasar Satok membeli gula  
Gula dibeli bersama cuka  
Sikap **menabung** amalan **mulia**  
Dapat membantu di hari muka

Jalan-jalan cari makan  
Cari makan di kedai Atan  
Sikap boros amalan syaitan  
Hendaklah jauhi jangan amalkan

Adik Abu menjual pegaga  
Pegaga dijual bersama mangga  
**Berjimat-cermat** dalam berbelanja  
Amalan dituntut oleh agama

Amalan menabung langkah yang **bijak**  
Hendaklah amalkan tua dan muda  
Duit di tabung semakin banyak  
Labur di bank **banyak faedahnya**

Jawapan 8 perkataan "Hikmah Menabung" yang tersembunyi.

J	T	A	T	A	M	R	E	C	B	C
I	S	D	E	F	G	P	A	H	I	I
M	M	J	K	L	A	M	M	N	O	K
A	J	P	Q	K	R	S	A	T	N	H
T	A	H	E	M	A	T	N	U	I	L
V	L	C	W	I	X	Y	A	Z	J	A
A	I	Z	L	Y	K	L	H	G	A	S
H	K	U	N	I	O	L	G	D	R	C
S	M	Y	B	I	J	A	K	A	Z	M
U	M	Y	F	A	I	G	A	H	A	B

## TAJUK 4: BUKU WANG SAKU (Panduan membuat catatan)

### Peruntukan masa:

Aktiviti ini mengambil masa selama satu jam.

### Objektif:

Pada akhir pembelajaran ini, murid-murid akan dapat:

1. Membuat catatan harian pendapatan, perbelanjaan dan simpanan.
2. Memupuk amalan berjimat cermat, berbelanja berhemat, sikap suka menabung dan jujur.
3. Menjadikan catatan bertulis sebagai suatu amalan kehidupan seharian.



### Persediaan awal:

Tiga batang pensel warna (biru, merah, hitam), kalkulator dan kertas contoh catatan Buku Wang Saku.

### Set induksi/pengenalan:

Penggunaan ruangan dalam Buku Wang Saku.

Kuiz: Mengenal pasti istilah bagi kategori wang keluar / masuk.

Pendapatan	Pernyataan	Perbelanjaan
	Wang Saku	
	Beli minuman	
	Ang Pau / Duit Raya	
	Jual surat khabar lama	
	Hadiah wang tunai	
	Kad tambah nilai	
	Hadiah hari jadi kawan	
	Sedekah tahlil arwah	
	Wang jumpa	
	Upah	

Guru mengedarkan borang seperti di atas dan murid menandakan sama ada pernyataan dalam borang tersebut termasuk dalam kategori pendapatan atau perbelanjaan.

### Aktiviti 1

Sesi soal jawab:

Contoh:

1. Berapa banyakkah wang yang anda bawa ke sekolah hari ini?
2. Dari manakah anda mendapat wang tersebut?
3. Bagaimanakah anda akan membelanjakan wang tersebut?

### Aktiviti 2

#### Petikan:

Guru memberi kepada murid satu petikan mengenai pengurusan kewangan untuk dilengkapkan oleh murid-murid.

#### Petikan:

Hari ini Aizad mendapat wang sebanyak \_\_\_\_\_ daripada ayahnya.

Selain itu, Aizad juga menerima wang sebanyak \_\_\_\_\_ lagi daripada abangnya. Pada waktu rehat, dengan wang tersebut Aizad membeli sepotong kuih berharga \_\_\_\_\_ dan segelas air berharga \_\_\_\_\_. Selepas itu, Aizad pergi ke kedai koperasi sekolah untuk membeli dua buah buku latihan yang berharga \_\_\_\_\_ sebuah.

#### Kertas contoh:

- Murid diberi kertas contoh format catatan perbelanjaan.
- Murid diminta melengkapkan jadual catatan perbelanjaan berdasarkan petikan di atas.

Tarikh	Wang Saku (A)	Perbelanjaan (B)		Simpanan (A-B)
		RM		
<b>Jumlah Mingguan</b>				

- Guru membimbing murid untuk melengkapkan jadual catatan perbelanjaan.

### **Aktiviti 3**

#### **Aktiviti kumpulan:**

- Murid dibahagikan kepada empat kumpulan.
- Setiap kumpulan diberi satu petikan mengenai pendapatan dan perbelanjaan.
- Dengan menggunakan petikan tersebut, murid melengkapkan jadual catatan perbelanjaan.  
Kumpulan 1 = Minggu pertama  
Kumpulan 2 = Minggu kedua  
Kumpulan 3 = Minggu ketiga  
Kumpulan 4 = Minggu keempat
- Dengan bimbingan guru, murid membuat rumusan catatan bulanan.

#### **Penutup:**

Sebagai penutup murid-murid menyanyi bersama

- Lagu berjimat cermat
- Lagu Tiga Kupang
- Lagu Duit, Duit, Duit (M. Nasir/Jalil Hamid)
- Lagu Gila Judi (Datuk M. Daud Kilau)

---

#### **Disediakan oleh:**

Guru yang menghadiri Bengkel Guru Penasihat Kelab Kewangan Pelajar Sekolah,  
Zon Selatan, Negeri Sembilan, 7 - 9 Mei 2007

## TAJUK 5: MENDAFTAR KEAHLIAN *DUITSAKU.COM*

### Peruntukan masa:

Aktiviti ini mengambil masa selama satu jam.

### Objektif:

Pada akhir pembelajaran ini, murid akan dapat:

1. Menggunakan komputer untuk melayari internet dan mendaftar sebagai ahli laman web *duitsaku.com*.
2. Mengumpul maklumat/info penting berkaitan hal ehwal kewangan yang terdapat dalam laman web *duitsaku.com*.
3. Memupuk sifat berkeyakinan, berani mencuba dan percaya kepada diri sendiri.



### Persediaan awal:

Makmal Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

- Bantuan guru penyelaras TMK
- Slaid mengenai *duitsaku.com*.

### Set induksi/pengenalan:

Guru memulakan dengan perbincangan seperti berikut:

- Namakan serangga yang mempunyai sifat rajin bekerja?
- Guru menunjukkan gambar semut dan lebah dan gambar maskot Si Mut dan Sang Lebah.
- Pernahkah murid melihat maskot ini?



### Aktiviti 1

1. Guru menayangkan slaid *duitsaku.com* kepada murid.
2. Guru memberikan penerangan tentang laman web *duitsaku.com*.

## **Aktiviti 2**

1. Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan hendaklah melantik seorang ketua kumpulan untuk membentangkan perbincangan yang dijalankan.
3. Soalan perbincangan:

Soalan 1

Apakah tujuan laman web *duitsaku.com* diwujudkan dan apakah faedahnya?

Soalan 2

Apakah yang menarik tentang laman web *duitsaku.com*?

Soalan 3

Sebutkan zon-zon yang terdapat dalam laman web *duitsaku.com*.

Soalan 4

Berikan nama zon yang dapat menambahkan ilmu pengetahuan sambil berhibur dan senaraikan aktivitiinya?

## **Aktiviti 3**

Setiap kumpulan membentangkan hasil perbincangan mereka dan guru memberikan maklum balas hasil daripada perbincangan mereka.

## **Aktiviti 4**

Guru meminta murid melayari laman web *duitsaku.com* dan mendaftar sebagai ahli. Guru membimbing murid mengisi maklumat dalam laman web *duitsaku.com*.

## **Penutup:**

Murid mewarnakan maskot *duitsaku.com*.

---

### **Disediakan oleh:**

Guru yang menghadiri Bengkel Guru Penasihat Kelab Kewangan Pelajar Sekolah,  
Zon Selatan, Negeri Sembilan, 7 - 9 Mei 2007

## TAJUK 6: PENGENALAN WANG KERTAS

### Peruntukan masa:

Aktiviti ini mengambil masa selama satu jam (minggu ke 4).

### Objektif:

Pada akhir pembelajaran ini, murid akan dapat:

1. Memberi definisi wang.
2. Menyenaraikan fungsi wang dalam kehidupan harian.
3. Mengenali dan membezakan nilai wang.

### Persediaan awal:

1. Peralatan (radio kaset, slaid, komputer riba)
2. Cadangan aktiviti (nyanyian, puzzle, dam ular, roda impian)

### Set induksi/pengenalan: (5 minit)

1. Nyanyian lagu "Duit" (rujuk lampiran 1)
2. Murid menyanyi dengan gerak laku mengikut rentak lagu yang dimainkan.
3. Kotak misteri  
Murid dikehendaki meneka apakah yang terdapat dalam kotak misteri yang dipamerkan.  
(Contoh barangan yang dapat diletakkan dalam kotak misteri - wang kertas bernilai RM5 atau lain-lain nilai)
4. Sesi soal jawab  
-Apakah itu wang?  
(Contoh jawapan: Wang merupakan alat yang penting dalam kehidupan seharian kita. Kita menggunakannya untuk membeli barang-barang dan membayar perkhidmatan).



### Pengenalan aktiviti (50 minit)

#### Aktiviti 1

Guru menunjukkan slaid gambar-gambar wang kertas Malaysia bernilai RM1, RM5, RM10, RM50 dan RM100. Murid diminta untuk memberi nilai bagi mata wang seperti dalam gambar-gambar tersebut (sila rujuk lampiran 2).

#### Aktiviti 2

Guru mengadakan permainan "Snap".

Langkah-langkah

1. Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan (3-4 orang dalam setiap kumpulan).
2. Guru mengedarkan kad-kad wang bernilai RM1, RM5, RM10, RM50 dan RM100.
3. Guru menerangkan secara ringkas cara/teknik permainan (sila rujuk lampiran 3).
4. Murid yang dapat mengumpul jumlah wang yang terbanyak dikira sebagai pemenang.

### **Aktiviti 3**

Guru memberi penerangan tentang fungsi-fungsi wang dengan menggunakan tayangan slaid.

Contoh jawapan:

Fungsi-fungsi wang ialah sebagai:

- Alat perantaraan pertukaran
- Boleh dibahagi-bahagikan
- Stabil nilainya
- Sukar untuk dipalsukan
- Diterima umum
- Mudah dibawa

### **Aktiviti 4**

Lakonan urus niaga antara penjual dan pembeli (menggunakan kad-kad wang). Situasi di gerai buah-buahan. Murid melakonkan watak penjual dan pembeli.

#### **Dialog**

Penjual : Ya, adik nak beli buah apa?

Amran : Berapakah harga sekilo buah mangga?

Penjual : RM5.00 sekilo adik.

Amran : Saya cuma ada RM2.50 sahaja.

Penjual : Kalau begitu adik hanya boleh beli setengah kilogram sahaja.

Amran : Baiklah pak cik.

### **Aktiviti 5**

Sebagai ulang kaji bagi aktiviti 3, guru mengadakan sesi soal jawab secara lisan.

Guru menyoal murid secara rawak definisi wang dan fungsinya.

- Alat perantaraan pertukaran
- Boleh dibahagi-bahagikan
- Stabil nilainya
- Sukar untuk dipalsukan
- Diterima oleh umum
- Mudah dibawa

### **Aktiviti 6**

Permainan dam ular

- Guru menerangkan cara-cara bermain dam ular (sila rujuk lampiran 4).
- Murid yang berjaya mengumpul jumlah wang yang tertinggi dalam tempoh masa 10 minit dikira sebagai pemenang.

### **Penutup : (5 minit)**

Guru memberi ulasan/komen dan membuat penilaian.

---

#### **Disediakan oleh:**

Guru yang menghadiri Bengkel Guru Penasihat Kelab Kewangan Pelajar Sekolah,  
Zon Selatan, Negeri Sembilan, 7 - 9 Mei 2007

## Lampiran 1

### Lirik lagu Duit

Duit di mana kau duit  
Jangan membazir duit  
Amalan berjimat cermat  
Untuk masa depan gemilang

Ada duit jangan lupa  
Jangan boros-boros  
La-la-la-la-la-la-la-la-la-la-la-la-la-la-la-la-la-la-la-la-la-la  
Hidup kamu akan selamat

Rentak ikut lagu: Lompat Si Katak Lompat.

## Lampiran 2

Nama: ..... Kelas: .....

Tuliskan nilai wang kertas di bawah.



## Lampiran 2B

### Jawapan

RM1

contoh



RM2

contoh



RM5

contoh



RM100

contoh



RM50

contoh



RM10

contoh



### **Lampiran 3**

#### **Cara permainan “Snap”**

1. Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan (cadangan 3-4 orang murid dalam satu kumpulan)
2. Guru menerangkan cara permainan.
  - i. Guru mengedarkan set kad wang kepada setiap kumpulan.
  - ii. Ketua kumpulan yang telah dilantik oleh guru membahagikan set kad kepada ahli kumpulan.
  - iii. Setiap ahli kumpulan akan mendapat jumlah kad yang sama banyak.
  - iv. Semua peserta dilarang membuka kad-kad yang telah diedarkan.
  - v. Peserta pertama akan meletakkan sekeping kad dalam keadaan terbuka sebagai permulaan permainan diikuti peserta kedua, ketiga dan seterusnya.
  - vi. Sekiranya kad ini sama dengan kad yang lain maka peserta yang paling pantas meletakkan tangan di atas kad, maka dia akan dikira sebagai pemenang. Begitulah seterusnya sehingga kad ini habis dimainkan.
  - vii. Peserta yang dapat mengumpul jumlah wang terbanyak akan dikira sebagai pemenang keseluruhan.
  - viii. Guru memberikan hadiah kepada pemenang.

## Lampiran 4

### Permainan Dam Ular

Bahan : Buah dadu  
Cip warna yang berbeza

Pemain : 4 pemain  
1 juruwang



## TAJUK 7: MATA WANG MALAYSIA

### Peruntukan masa:

Aktiviti yang dicadangkan boleh dikendalikan untuk tiga kali perjumpaan. (Setiap kali perjumpaan aktiviti yang akan dijalankan mengambil masa selama 1 jam).

### Objektif:

Tujuan aktiviti adalah untuk mendedahkan pelajar kepada mata wang sebagai alat utama pembayaran. Pada akhir pembelajaran ini, murid-murid akan dapat:

1. Mengenal bentuk duit syiling dan wang kertas.
2. Mengenal ciri-ciri keselamatan pada wang.
3. Membezakan wang tulen dengan wang palsu.

### Persediaan awal:

1. Guru perlu merancang sama ada untuk menjalankan keseluruhan aktiviti atau menggunakan sebahagian daripada aktiviti ini.
2. Guru perlu menyediakan:
  - Wang kertas dan duit syiling tulen.
  - Wang kertas yang telah dicetak berwarna (fotokopi) sebagai contoh wang palsu.
  - Slaid dan poster tentang mata wang.

### Set induksi/pengenalan:

Mulakan dengan bertanya soalan:

1. Sila keluarkan dompet anda.
2. Apakah yang terdapat dalam dompet anda? (contoh jawapan murid - wang, kad telefon)
3. Asingkan duit syiling dan wang kertas anda.  
(Cadangan: Guru menyediakan wang contoh untuk pelajar yang tidak mempunyai wang).

### Cadangan

1. Menangkap duit syiling dan melukis wang kertas. Hadiah akan diberi kepada pemenang yang menghasilkan aktiviti yang kemas dan menarik.
2. Penyelesaian masalah melalui perbincangan kumpulan.
3. Teknik simulasi. Pelajar main peranan sebagai pembeli dan penjual menggunakan wang kertas dan syiling dalam urusan jual beli.
4. Melabel ciri-ciri keselamatan mata wang.
5. Kuiz tentang setiap muka belakang duit syiling yang berbagai nilai dan menjawab soalan tentang wang.

### Pengenalan Gambaran keseluruhan aktiviti:

Guru hendaklah menerangkan kepada pelajar aktiviti yang akan dijalankan adalah berkenaan dengan jenis mata wang Malaysia iaitu duit syiling dan wang kertas.



### Aktiviti 1

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang terdiri dari empat orang dalam satu kumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki menangkap duit syiling 1, 5, 10, 20 dan 50 sen.
3. Selepas setiap kumpulan selesai menangkap, guru akan meminta guru penasihat yang lain untuk mengadili lukisan tersebut.
4. Pertandingan meneka lambang pada muka belakang duit syiling dijalankan. Kumpulan yang paling banyak mengumpul markah dikira sebagai pemenang (lambang seperti tapak sireh, bunga raya, wau bulan dan gasing).  
*Nota untuk guru: guru memberi penerangan tentang langkah seterusnya. Murid dikehendaki melekat gambar pada wang kertas yang telah dipotong dengan bentuk segi tiga dan segi empat.*
5. Setiap kumpulan dikehendaki melekat kepingan gambar wang kertas pada kertas kosong untuk melengkap gambar wang kertas tersebut.
6. Masa untuk pertandingan ini ialah lima minit. Tujuan masa ditetapkan adalah untuk menarik minat murid, "siapa cepat dia dapat". Ini dapat membantu murid supaya tidak membuang masa dan membuat sesuatu kerja sambil lewa.

### Aktiviti 2

1. Guru menerapkan nilai-nilai murni akibat daripada pemalsuan wang.
2. Sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, kita perlu menggunakan wang tulen ketika berurus niaga agar semua pihak tidak mengalami sebarang penipuan dan kerugian.
3. Antara kesan daripada penggunaan wang palsu ialah:
  - i. Kesan terhadap negara - akan mengalami kerugian.
  - ii. Kesan terhadap individu - tidak bertanggungjawab dan tidak amanah.
  - iii. Kesan terhadap agama - semua agama tidak menggalakkan amalan penipuan dalam kehidupan seharian kerana menindas orang lain.  
(Akibatnya individu yang melakukan penipuan akan dikenakan tindakan undang-undang).
4. Guru menerangkan beberapa cara untuk mengetahui tentang wang tulen dan palsu. Sama ada secara fizikal atau melihat melalui mesin pengesan.
5. Melalui fizikal, murid boleh mengenal pasti beberapa ciri keselamatan iaitu mutu rasa kertas, Potret Tanda Bayang, Benang Keselamatan dan Cetakan *Intaglio*.
6. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan. Setiap kumpulan diberikan wang kertas tulen dan palsu (wang RM1, RM2 dan RM5)
7. Setiap kumpulan dikehendaki mengesan ciri-ciri keselamatan pada wang seperti yang terdapat dalam nota (guru mengedar nota tentang ciri-ciri keselamatan pada wang kertas yang terdapat dalam buku *infoperbankan* Mata Wang Malaysia).
8. Setiap kumpulan dikehendaki membentangkan ciri-ciri keselamatan yang ada pada setiap wang kertas. Kumpulan yang banyak membentangkan ciri-ciri serta berjaya menerangkan ciri-ciri tersebut dengan betul dikira sebagai pemenang.

## Nota penerangan untuk guru

### Ciri-ciri Keselamatan Wang Kertas Malaysia (sumber rujukan: *infoperbankan*)

Untuk membantu anda mengenal pasti ketulenan wang kertas, ciri-ciri keselamatan utama wang kertas Malaysia (siri ketiga) adalah seperti berikut:

#### 1. Kertas

Wang kertas Malaysia dihasilkan daripada kertas yang bermutu tinggi yang diperbuat daripada kapas. Apabila disentuh, wang kertas terasa kesat sedikit dan apabila diramas hasilnya ialah bunyi kerangupan yang unik.

#### 2. Potret Yang di-Pertuan Agong

Potret Yang di-Pertuan Agong Pertama yang terdapat di sebelah kanan wang kertas adalah satu ciri pencegah pemalsuan yang sukar untuk disalin atau dikeluarkan semula.

#### 3. Potret Tanda Bayang [1]

Imej samar-samar Potret Yang di-Pertuan Agong Pertama boleh dilihat pada petak kosong di sebelah kiri wang kertas, sekiranya ditatap pada cahaya. Imej daripada cahaya ini bercorak 3 dimensi dengan alunan warna gelap dan terang yang berbeza-beza dalam keadaan lembut dan berbayang, tanpa garisan luar yang nyata. Di bahagian bawah potret tanda bayang ini terdapat angka berkaitan. Sebagai contoh, angka 50 dipaparkan untuk denominasi RM50.

#### 4. Benang Keselamatan [2]

Benang keselamatan ini ditenun di permukaan sebelah belakang wang kertas. Apabila dilihat pada cahaya, benang ini kelihatan seperti satu garisan lurus yang kehitaman dengan huruf dan nombor yang berkaitan dicetak berulang kali. Sebagai contoh, "BNM RM50" dicetak berulang kali pada wang kertas denominasi RM50.

#### 5. Ciri-ciri LEAD [3]

Di sebelah kanan wang kertas denominasi RM50 dan RM100, terdapat jalur hologram yang berkilau. Jalur hologram ini mengandungi 3 perkara, iaitu:

- i. Imej yang sama dengan yang terdapat di sebelah kanan potret Yang di-Pertuan Agong Pertama
- ii. Imej yang menunjukkan angka denominasi (contoh RM50)
- iii. Imej huruf-huruf "BNM"

#### 6. Ciri-ciri PEAK [4]

Ciri-ciri PEAK ini terdapat di bahagian tengah wang kertas. Apabila dilihat dari sudut yang berlainan pula, angka denominasi boleh dilihat di pertengahan kotak. Sebagai contohnya, angka 50 dicetak untuk wang kertas denominasi RM50.

#### 7. Tanda Pandang Telus [5]

Bunga raya di bahagian atas dan bawah wang kertas adalah serupa di kedua-dua belah permukaan (depan dan belakang) wang kertas.

## 8. Cetakan *Intaglio* [6]

Potret Yang di-Pertuan Agong Pertama, nombor denominasi corak dan perkataan 'BANK NEGARA MALAYSIA' adalah dicetak dengan beberapa lapisan dakwat halus untuk menghasilkan kesan timbul.

### Aktiviti 3

1. Guru mengemukakan beberapa soalan untuk murid. Murid menjawab dalam kumpulan dan membentangkan hasil perbincangan kepada semua ahli kelab.
2. Contoh perbincangan kumpulan.
  - i. Apakah yang akan anda lakukan jika anda menerima wang palsu daripada seseorang? (respon murid - laporkan kepada pihak berkuasa)
  - ii. Apakah tindakan yang anda akan ambil jika menerima wang kertas yang diconteng, dicantum dan terkoyak? (respon murid - pergi ke bank)
  - iii. Bolehkah kita memperoleh wang gantian jika menerima wang kertas palsu? (respon murid- tidak boleh)
  - iv. Soalan kuiz (seperti di lampiran 1)

### Penutup

Guru mengakhiri sesi dengan memberitahu kepada murid tentang pentingnya wang sebagai alat pembayaran.

1. Guru juga menerapkan nilai-nilai murni seperti bersikap jujur dan amanah dalam mengurus wang.
2. Guru juga hendaklah menasihati murid supaya tidak membuat sebarang penipuan seperti menggunakan wang palsu untuk membayar perkhidmatan dan membeli barangan.

---

#### Disediakan oleh:

Guru yang menghadiri Bengkel Guru Penasihat Kelab Kewangan Pelajar Sekolah,  
Zon Utara, Kedah, 17 - 19 April 2007

## Lampiran 1

### SOALAN KUIZ

1. Apakah lambang yang terdapat pada duit syiling 5 sen?  
A) Wau bulan  
**B) Gasing**  
C) Rebana Ubi
2. Wang dihasilkan dalam dua bentuk, iaitu:  
A) Daun dan batu  
B) Air dan angin  
**C) Syiling dan kertas**
3. Di manakah wang kertas cacat boleh ditukarkan?  
A) Cawangan Bank Simpanan Nasional yang berdekatan  
**B) Cawangan Bank Negara Malaysia yang berdekatan**  
C) Cawangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad yang berdekatan
4. Potret siapakah yang tertera pada wang kertas Malaysia?  
A) Sultan  
B) Perdana Menteri  
**C) Potret Yang di-Pertuan Agong Pertama**
5. Berapakah ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada wang kertas Malaysia?  
A) 4  
B) 5  
**C) 6**
6. Apakah tema yang terdapat pada wang kertas Malaysia?  
**A) Wawasan**  
B) Gemilang  
C) Bangunan Parlimen
7. Institusi kewangan manakah yang mengeluarkan wang kertas dan duit syiling?  
A) Malayan Banking Berhad  
**B) Bank Negara Malaysia**  
C) Bank Pertanian Malaysia
8. Mengapakah bunga raya dipilih sebagai lambang pada duit syiling dan wang kertas?  
A) Cantik  
B) Mudah didapati  
**C) Bunga Kebangsaan Malaysia**

9. Benang keselamatan pada wang kertas Malaysia ditenun di sebelah?

**A) Belakang**

B) Hadapan

C) Atas

10. Berikut disenaraikan ciri keselamatan duit syiling Malaysia kecuali

A) Ukiran timbul pada reka bentuk

B) Karektor pada muka hadapan dan belakang

**C) Potret Yang di-Pertuan Agong**

## TAJUK 8: PENGENALAN DUIT SYILING DAN FUNGSI NYA

### Peruntukan masa:

Aktiviti ini mengambil masa selama satu jam.

### Objektif:

Pada akhir pembelajaran ini, murid-murid akan dapat:

1. Mengenal saiz dan nilai duit syiling.
2. Menyenaraikan fungsi duit syiling.
3. Membezakan nilai duit syiling.

### Persediaan awal:

Bahan seperti duit syiling, pensel warna, gunting, bahan-bahan terbang, dan gam.

Cadangan aktiviti (menekap, mewarna, menggunting dan jual beli)



### Set induksi/pengenalan:

Kuiz

- Murid dan guru bersoal jawab mengenai gambar rajah yang terdapat pada duit syiling.  
Contoh soalan: Apakah gambar rajah yang terdapat pada syiling 50 sen dan 20 sen?  
Cadangan jawapan: Wau dan tepak sireh.

### Pengenalan aktiviti:

- 1) Pembahagian kumpulan.
- 2) Setiap kumpulan diberikan bahan-bahan dan duit syiling yang berlainan nilai.
- 3) Aktiviti menekap duit syiling.
- 4) Aktiviti menilai perbezaan antara nilai dan jumlah duit syiling.
- 5) Aktiviti jual beli.
- 6) Rumusan dan penutup.

### Aktiviti 1:

Membuat duit syiling permainan (10 minit)

1. Murid dibahagikan kepada lima kumpulan yang mana setiap kumpulan mempunyai lima orang ahli.
2. Setiap kumpulan dibekalkan dengan duit syiling mengikut nilai yang berbeza.
3. Murid menekap duit syiling pada kertas dengan menggunakan pensel warna.
4. Murid menggunting hasil kerja mereka.
5. Sesi soal jawab
6. Contoh-contoh soalan:
7. Berapakah nilai duit syiling yang terbesar?  
- Jawapan: syiling 50 sen
8. Berapakah nilai duit syiling yang terkecil?  
- Jawapan: 1 sen
9. Guru mengedarkan lembaran kerja (lihat lampiran 1)

### **Aktiviti 2**

Menilai perbezaan nilai dan menjumlahkan duit syiling. (10 minit)

1. Setiap kumpulan dikehendaki menukar wang dengan kumpulan yang lain. Jumlah kepingan duit syiling hendaklah sama.
2. Murid dikehendaki merekodkan jumlah kepingan bagi setiap nilai duit syiling yang diperoleh daripada hasil setiap pertukaran yang dilakukan pada jadual (lihat jadual di lampiran 2).
3. Sesi perbincangan dengan murid berdasarkan jadual di lampiran 2.

### **Aktiviti 3**

Aktiviti jual beli - simulasi (25 minit)

1. Murid akan melakonkan watak sebagai penjual dan pembeli.
2. Wujudkan beberapa buah gerai menggunakan bahan-bahan terbuang (gerai minuman, gerai alat tulis dan gerai makanan).
3. Murid sebagai pembeli dibekalkan dengan sejumlah wang yang sama nilai (RM5 setiap kumpulan).
4. Murid merekod jumlah perbelanjaan pada lembaran kerja (lihat jadual di lampiran 3).

### **Penutup:**

Sesi soal jawab (5 minit)

- i. Guru dan murid bersoal jawab tentang kelebihan dan keburukan duit syiling.
- ii. Bersoal jawab mengenai fungsi wang sebagai alat perantaraan pertukaran barang.
- iii. Guru merumuskan keseluruhan pembelajaran bagi tajuk 8 - penekanan diberi kepada nilai berjimat cermat.

---

#### **Disediakan oleh:**

Guru yang menghadiri Bengkel Guru Penasihat Kelab Kewangan Pelajar Sekolah,  
Zon Tengah, Kuala Lumpur, 20 - 22 Mei 2007

## Lampiran 1

Tuliskan nilai bagi setiap duit syiling yang berikut:



## Lampiran 2

Nyatakan bilangan keping duit syiling bagi nilai duit syiling tersebut.

Bil.	Nilai Syiling	RM0.50	RM0.20	RM0.10	RM0.05	RM0.01
		<b>(bilangan keping duit syiling)</b>				
1.	RM0.50					
2.	RM0.20					
3.	RM0.10					
4.	RM0.05					
5.	RM0.01					

**Jawapan**

Bil.	Nilai Syiling	RM0.50	RM0.20	RM0.10	RM0.05	RM0.01
		<b>(bilangan keping duit syiling)</b>				
1.	RM0.50	1	X	5	10	50
2.	RM0.20	X	1	2	4	20
3.	RM0.10	X	X	1	2	10
4.	RM0.05	X	X	X	1	5
5.	RM0.01	X	X	X	X	1



## TAJUK 9: PENGENALAN MATA WANG ASING

### Peruntukan masa:

Aktiviti ini mengambil masa selama satu jam

### Objektif:

Pada akhir pembelajaran ini, murid-murid akan dapat:

1. Mengenali dan menamakan mata wang asing dengan tepat.
2. Memadankan nama mata wang asing dengan nama negara asal.



### Persediaan awal:

1. Bahan radio, kotak, sampul surat dan mata wang asing (sila rujuk lampiran 2).
2. Cadangan aktiviti (lakonan, tayangan slaid, permainan)

### Set induksi/pengenalan: (5 Minit)

1. Lakonan (sila rujuk lampiran 1).
2. Sesi soal jawab:
  - Apakah yang anda dapat perhatikan dalam lakonan tadi?
  - Peniaga tersebut tidak mahu menerima wang yang diberikan oleh budak itu.
  - Kenapakah peniaga tersebut sangsi untuk menerima wang tersebut?

Jawapan yang mungkin diberi oleh murid:

- i. Kerana peniaga tersebut tidak mengenali mata wang asing
- ii. Nilai mata wang tersebut mungkin kurang daripada nilai mata wang Malaysia

### Pengenalan aktiviti

#### Aktiviti 1 (10 Minit)

1. Guru menayangkan gambar mata wang asing melalui tayangan slaid, mata wang Singapura, Indonesia, India, Thailand, Jepun dan Kanada. Murid akan diuji untuk menamakan mata wang tersebut (sila lihat lampiran 2).
2. Seterusnya, guru memberi jawapan nama mata wang dalam soalan di atas:
  - Singapura-Dollar
  - Indonesia-Rupiah
  - India-Ruppee
  - Thailand-Baht
  - Jepun-Yen
  - Kanada-Dollar

**Aktiviti 2 (15 minit )**

1. Guru membahagikan murid kepada enam kumpulan. Setiap kumpulan dinamakan dengan mata wang asing yang telah diperkenalkan.
2. Guru mengadakan permainan ‘Perang Mata Wang Asing’.
3. Seterusnya guru akan menerangkan teknik permainan tersebut (sila rujuk lampiran 3).

**Aktiviti 3 (10 Minit)**

1. Guru memperkenalkan permainan kedua iaitu ‘Permainan Kotak Beracun’. Murid akan membuat satu bulatan besar.
2. Guru menerangkan teknik permainan (rujuk lampiran 4).

**Aktiviti 4 (10 Minit)**

1. Murid kembali kepada kumpulan masing-masing seperti sebelum ini.
2. Guru akan mengedarkan lampiran ‘Cari Perkataan Tersembunyi’ (sila rujuk lampiran 5).

**Aktiviti 5 (5 Minit)**

Guru menyoal murid secara rawak tentang apa yang telah dipelajari.

**Soalan**

1. Apakah mata wang negara Singapura?
2. Yen adalah mata wang negara.....?
3. Ratnawati hendak melancong ke Indonesia, mata wang apakah yang akan beliau gunakan?
4. Apakah mata wang negara yang terletak di utara Semenanjung Malaysia?
5. Ravi adalah seorang peniaga daging lembu. Beliau telah kehabisan stok dan memerlukan bekalan dari negara India. Apakah mata wang yang akan beliau gunakan ketika mengurus niaga di sana?

**Jawapan**

1. Dollar
2. Jepun
3. Rupiah
4. Baht
5. Rupee

**Penutup :**

1. Guru membacakan 2 rangkap pantun.

Pak Abu memakai kopiah  
Hendak pergi kenduri di pekan  
Ringgit, Dollar, Baht dan Rupiah  
Satu keperluan dalam kehidupan

Mak Minah membeli cili  
Untuk memasak ikan kerapu  
Mata wang asing perlu dikenali  
Supaya diri tidak tertipu

2. Guru menerangkan kepada murid tentang pengajaran yang dapat diperolehi daripada pantun di atas:
  - i. Wang merupakan alat yang penting dalam kehidupan seharian kita.
  - ii. Nilai mata wang bagi setiap negara adalah berbeza-beza contohnya nilai ringgit Malaysia adalah lebih tinggi berbanding nilai rupiah.

---

**Disediakan oleh:**

Guru yang menghadiri Bengkel Guru Penasihat Kelab Kewangan Pelajar Sekolah,  
Zon Malaysia Timur, Sarawak, 27 – 29 Mei 2007

## **Lampiran 1**

### **Situasi di kedai runcit**

Lakonan urus niaga antara penjual dan seorang kanak-kanak yang terjumpa mata wang asing (rupiah Indonesia).

Murid melakonkan watak penjual dan pembeli.

### **Dialog**

Penjual : Anak nak beli apa ?

Siti : Saya nak beli aiskrim ni. Berapa harganya, pak cik?

Penjual : RM2.00 sebatang.

Siti : Ini wangnya, pak cik.

Penjual : Eh! Wang apa ni? Ini bukan wang Malaysia, nak.

## Lampiran 2

### Contoh Mata Wang Asing



Singapura-Dollar



Indonesia-Rupiah



India-Ruppee



Kanada-Dollar



Jepun-Yen



Thailand-Baht

## **Lampiran 3**

### **Cara Permainan Perang Mata Wang Asing**

1. Murid dibahagikan kepada enam kumpulan. Setiap kumpulan diberikan nama negara serta mata wangnya sebagai nama kumpulan.
2. Sebagai contoh kumpulan A yang diberi nama 'Thailand Baht' dan akan menyerang kumpulan B yang diberi nama 'Indonesia Rupiah'.
3. Kumpulan A akan meneriak 'Thailand Baht' (3 kali), bom 'Indonesia Rupiah'
4. Kumpulan yang diserang akan bersedia untuk menyerang balik kumpulan yang sama atau kumpulan lain.
5. Kumpulan yang tidak dapat menyebut dengan sebulat suara akan kalah. Kumpulan terakhir yang tinggal dikira sebagai pemenang.

## Lampiran 4

### Permainan Kotak Beracun

1. Murid-murid duduk dalam bulatan.
2. Apabila muzik dimulakan, kotak yang mengandungi sampul surat berisi nama mata wang asing diserahkan pada seorang pelajar untuk diserahkan kepada pelajar yang bersebelahan dengannya dan seterusnya.
3. Apabila muzik dihentikan, murid yang dapat kotak itu akan memilih satu sampul surat.
4. Murid tersebut akan melekatkan nama mata wang asing yang terdapat dalam sampul surat itu dengan gambar mata wang asing yang terdapat di papan hitam.



Singapura-Dollar



Indonesia-Rupiah



India-Rupee



Kanada-Dollar



Jepun-Yen



Thailand-Baht

### Lampiran 5

Cari mata wang asing yang tersembunyi

O	R	U	P	A	M	P	N	S	A
X	S	M	L	R	R	U	P	E	E
I	B	E	W	U	A	W	A	A	R
M	J	A	P	K	L	L	M	A	Z
H	W	I	H	G	L	E	N	O	K
T	A	S	P	T	O	I	N	K	F
H	O	Z	K	R	D	O	N	A	S

Jawapan

O	R	U	P	A	M	P	N	S	A
X	S	M	L	R	R	U	P	E	E
I	B	E	W	U	A	W	A	A	R
M	J	A	P	K	L	L	M	A	Z
H	W	I	H	G	L	E	N	O	K
T	A	S	P	T	O	I	N	K	F
H	O	Z	K	R	D	O	N	A	S

## TAJUK 10: KAD KREDIT

### Peruntukan masa:

Aktiviti ini mengambil masa selama satu jam.

### Objektif:

Pada akhir pembelajaran ini, murid-murid akan dapat:

1. Menyatakan pengertian kad kredit.
2. Menyenaraikan kebaikan kad kredit.
3. Menyenaraikan keburukan kad kredit

### Persediaan awal:

Bahan :

1. Gambar kad kredit (lampiran 1)
2. Risalah-risalah mengenai kad kredit dari bank.
3. Penyata kad kredit.

### Cadangan aktiviti:

Nyanyian dan lakonan "Jom Shopping"

### Set induksi/pengenalan: (5 minit )


1. Nyanyian lagu kad kredit (rujuk lampiran 1)
2. Sesi soal jawab:
  1. Apa itu kad kredit?
 

Satu instrumen pembayaran yang mudah tanpa menggunakan wang tunai dan boleh digunakan pada bila-bila masa.
  2. Siapakah yang boleh memohon kad kredit?
 

Orang dewasa berusia 21 tahun ke atas, berpendapatan minimum RM18,000 setahun dan mengemukakan dokumen-dokumen seperti yang berikut:

    - salinan kad pengenalan
    - surat perlantikan jawatan
    - penyata cukai pendapatan terkini
    - penyata akaun bank
    - slip gaji
3. Bagaimanakah bentuk kad kredit?
 

Kad kredit masa kini berbentuk segiempat tepat seperti bentuk Mykad.



**Penerangan aktiviti keseluruhan:**

1. Kebaikan dan keburukan penggunaan kad kredit

<b>Kebaikan</b>	<b>Keburukan</b>
1. Senang dibawa 2. Mudah digunakan 3. Keselamatan terjamin 4. Satu kemudahan apabila tidak mempunyai wang 5. Berguna semasa kecemasan	1. Perbelanjaan yang berlebihan 2. Kadar faedah yang tinggi 3. Penipuan kad kredit 4. Boleh mengakibatkan muflis

2. Cara penggunaan kad kredit

Boleh digunakan untuk pembayaran barangan melalui kaunter tanpa melibatkan wang tunai.

**Aktiviti 1**

1. Guru mempamerkan gambar contoh kad kredit dari beberapa buah bank.
2. Guru mengedarkan kepada murid risalah mengenai kad kredit.
3. Murid diminta berbincang mengenai penggunaan kad kredit berpandukan risalah.
4. Kebaikan kad kredit.
  - Mudah dibawa
  - Keselamatan terjamin
  - Senang digunakan.
  - Berguna sewaktu kecemasan.
  - Suatu kemudahan apabila tidak mempunyai wang tunai.

**Aktiviti 2**

Lakonan “Jom Shopping”

Situasi di pusat membeli belah .

Murid melakonkan watak penjual, pembeli dan pencuri.

**Situasi 1 :** Di kaunter pembayaran.

Pembeli : Memilih beberapa barangan dan ingin membayar secara tunai.

Penjual : Jumlahnya semua ialah RM250.00.

Pembeli : (Mengeluarkan wang tunai)

Pencuri datang dari belakang dan merampas wang pembeli.

Pembeli : Tolong! Tolong!

(Suasana menjadi kelim kabut)

**Situasi 2 :** Di kaunter pembayaran.

Pembeli : Memilih barang-barang dan ingin membayar menggunakan kad kredit.

Penjual : Jumlahnya ialah RM250.00 encik.

Pembeli : Membuat bayaran menggunakan kad kredit.

1. Guru akan menerangkan situasi dalam lakonan (lampiran 2).
2. Guru memberi penerangan tentang kebaikan dan keburukan kad kredit. Seperti yang berikut.

<b>Kebaikan</b>	<b>Keburukan</b>
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Senang dibawa</li><li>2. Mudah digunakan</li><li>3. Keselamatan terjamin</li><li>4. Satu kemudahan apabila tidak mempunyai wang</li><li>5. Berguna semasa kecemasan</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Perbelanjaan yang berlebihan</li><li>2. Kadar faedah yang tinggi</li><li>3. Penipuan kad kredit</li><li>4. Boleh mengakibatkan muflis</li></ol>

**Penutup: ( 5 minit )**

**Nyanyian lagu kad kredit beramai-ramai.**

### **Lagu kad kredit**

Kad kredit mak iloi-iloi  
Mudahnya dapat mak ilai-ilai  
Tak cukup satu tambah dua  
Mulalah aku pening kepala

Kad kredit mak iloi-iloi  
Gunanya senang mak ilai-ilai  
Hutang jadi banyaknya amboi  
Seumur hidup aku kena bayar

Rentak ikut lagu : ikan kekek mak iloi-iloi

---

**Disediakan oleh:**

Guru yang menghadiri Bengkel Guru Penasihat Kelab Kewangan Pelajar Sekolah,  
Zon Timur, Kelantan, 13 -15 Mei 2007

## Lampiran 1

### Gambar Kad Kredit



#### Lagu kad kredit

Kad kredit mak iloi-iloi  
Mudahnya dapat mak ilai-ilai  
Tak cukup satu tambah dua  
Mulalah aku pening kepala

Kad kredit mak iloi-iloi  
Gunanya senang mak ilai-ilai  
Hutang jadi banyaknya amboi  
Seumur hidup aku kena bayar

(cari lirik yang menunjukkan kebaikan kad kredit)

Rentak ikut lagu : ikan kekek mak iloi-iloi.

## Lampiran 2

### Soalan-Soalan

Soalan 1 : Bezakan cara pembayaran dalam situasi 1 dan situasi 2.

Jawapan : Situasi 1 pembeli membayar tunai.

Situasi 2 pembeli menggunakan kad kredit .

Soalan 2 : Pada pendapat kamu cara pembayaran yang manakah lebih selamat?

Jawapan : Cara yang kedua.

Soalan 3 : Mengapa?

Jawapan : Cara pembayaran ini lebih selamat .

Soalan 4 : Jika kad kredit dicuri apakah tindakan anda?

Jawapan : Jika kad kredit dicuri, kita hendaklah melaporkannya kepada pihak bank dengan segera.

## TAJUK 11: AMALAN BERJIMAT CERMAT

### Peruntukan masa:

Aktiviti ini mengambil masa selama satu jam.

### Objektif:

Pada akhir pembelajaran ini, murid-murid akan dapat:

1. Menerangkan bagaimana wang boleh diijimatkan.
2. Memberi contoh amalan berjimat cermat.
3. Berkongsi dengan ahli keluarga tentang amalan berjimat cermat.

### Persediaan awal:

1. Guru menyediakan 10 set dialog ditulis atas 10 keping kad yang berasingan.
2. Setiap set dialog mengandungi soalan dan jawapan.

### Set induksi:

1. Guru membawa tabung untuk dipamerkan kepada pelajar.
2. Guru membawa poster/risalah mengenai amalan berjimat cermat. Contoh: Amalan kitar semula, penjimatan air dan elektrik dan harga barangan buatan Malaysia.

### Penerangan Aktiviti:

1. Aktiviti ini adalah berupa sesi dialog antara dua pelajar yang mana dalam setiap aktiviti ada diterapkan nilai-nilai amalan berjimat cermat.
2. Untuk setiap dialog, guru boleh memanggil dua pelajar dalam satu masa ke hadapan kelas.
3. Guru akan memberi kad yang mengandungi dialog kepada kedua-dua murid.
4. Guru akan bertanya kepada pelajar apakah nilai moral yang ingin disampaikan dalam setiap dialog.
5. Jika tiada pelajar yang dapat memberi jawapan yang tepat, guru boleh memberi contoh nilai moral seperti di lampiran 1.

### Aktiviti:


#### Dialog 1

#### **Soalan**

Kamu tahu tak Lela, Pasaraya Giant sedang mengadakan jualan hebat. Banyak kelengkapan sekolah yang dijual dengan harga yang murah. Marilah kita pergi bersama.

#### **Jawapan**

Maaflah Lela, kelengkapan sekolah saya banyak dan masih dalam keadaan yang baik lagi. Saya tak mahu berbelanja lebih.



## **Dialog 2**

### ***Soalan***

Wah, cantiknya kasut kamu Johan. Ini mesti kasut import dan harganya mesti mahal.

### ***Jawapan***

Taklah Raju. Kasut ini hanyalah buatan tempatan dan harganya tak sampai pun RM20. Tapi kualitinya elok dan ia setanding dengan kualiti kasut import.

## **Dialog 3**

### ***Soalan***

Kumari, kenapa awak selalu menggosok pakaian yang banyak dalam satu-satu masa?

### ***Jawapan***

Ini adalah kerana pada setiap saat kita memanaskan seterika untuk menggosok, banyak tenaga elektrik yang dibazirkan. Oleh itu adalah lebih baik jika kita mengumpul dan menggosok pakaian dalam satu masa kerana tenaga elektrik dapat dijimatkan.

## **Dialog 4**

### ***Soalan***

Wah lapar sungguh perut adik ni. Semuanya sedap ada ayam percik, laksa, burger, roti jala, nasi beriani, air tebu dan macam-macam lagi. Adik nak beli semua ni untuk berbuka puasa nanti.

### ***Jawapan***

Adik, di bulan puasa ni kita dianjurkan berjimat cermat. Beli apa yang patut sahaja untuk berbuka puasa. Jangan suka membazir. Kalau terlalu kenyang nanti perut sakit. Lagi pun mak dah masak di rumah.

## **Dialog 5**

### ***Soalan***

Wah dahaganya saya hari ni. Cuaca pun panas.

### ***Jawapan***

Kalau haus pun, tutuplah segera peti sejuk tu. Banyak tenaga elektrik yang boleh dijimatkan.

## **Dialog 6**

### ***Soalan***

Emak boleh saya buang baju lama tu? Lagi pun banyak yang dah ketat dan tak sesuai untuk saya lagi.

### ***Jawapan***

Baju lama Ema masih elok lagi. Kalau dah ketat kita beri kepada adik kamu. Tak perlulah kita membazir wang untuk membeli baju yang baru untuk adik kamu nanti.

### **Dialog 7**

#### **Soalan**

Kamal, kamu nak ke mana dengan surat khabar lama tu?

#### **Jawapan**

Surat khabar lama di rumah ni banyak sangatlah ayah. Saya nak membakar surat khabar lama ni. Mengotorkan rumah sahaja.

#### **Soalan**

Lebih baik kamu jual surat khabar lama tu Kamal. Wangnya nanti bolehlah kamu gunakan untuk belanja sekolah.

Sekarang pergi letakkan surat khabar itu dalam stor jadi tidaklah nampak bersepah.

### **Dialog 8**

#### **Soalan**

Ayah kenapa kita mesti balut buku-buku sekolah dengan plastik ni?

#### **Jawapan**

Buku-buku ini dibalut dengan plastik supaya ia lebih tahan lama. Kalau buku-buku ini masih sesuai ia boleh digunakan oleh adik kamu. Tak payahlah ayah membeli buku yang baru. Ini boleh menjimatkan perbelanjaan rumah kita.

### **Dialog 9**

#### **Soalan**

Ayah, tengok abang ni bukan siram pokok tapi main pancut-pancut air pulak.

#### **Jawapan**

Abang, jangan membazir air. Cuba tadah air dalam baldi, boleh menjimatkan air. Jadi ayah tidak perlu membayar bil air yang tinggi nanti.

### **Dialog 10**

#### **Soalan**

Kenapa ayah merungut pagi-pagi ini?

#### **Jawapan**

Tengok bil elektrik rumah kita, melambung tinggi dari bulan lepas. Along boleh tolong ayah tak kalau setiap kali nak keluar bilik, jangan lupa tutup lampu. Begitu juga kalau selesai menonton televisyen.

Dengan cara ini kita semua boleh belajar berjimat dan bil elektrik tak akan melambung tinggi lagi. Penjimatan ini juga boleh ayah gunakan untuk perbelanjaan harian rumah kita.

#### **Penutup:**

Sebagai penutup, guru akan meminta semua pelajar untuk menyanyikan lagu yang telah disediakan mengikut rentak ikan kekek.

## **Lagu**

Marilah kita menyimpan wang  
Walaupun sedikit tidak mengapa  
Jangan rakan bersikap boros  
Nanti hidup kita yang susah

Janganlah kita bersikap boros  
Kerana itu amalan buruk  
Sikap menyimpan perlu dipupuk  
Untuk membina hidup yang cerah

Oleh itu teruskan usaha  
Menyimpan itu amalan bijak  
Mari kawan kita berusaha  
Untuk kesejahteraan dimasa hadapan

**Ulang rangkap kedua dan ketiga**  
(Rentak : Ikan kekek)

## **Lampiran 1**

Contoh nilai moral untuk dialog amalan jimat cermat.

### **Moral 1**

Jangan berbelanja jika ia bukan keperluan. Lebih-lebih lagi jika kelengkapan sekolah kita masih banyak dan boleh digunakan.

### **Moral 2**

Hargailah barang buatan Malaysia. Ia juga setanding dengan barang import.

### **Moral 3**

Tabiat menggosok baju yang banyak dapat menjimatkan elektrik.

### **Moral 4**

Membazir dan tamak di bulan puasa ialah satu amalan yang tidak elok. Bersederhanalah dalam perbelanjaan kerana itu yang dituntut.

### **Moral 5**

Peti sejuk yang selalu dibuka akan mengurangkan sejuk. Oleh itu banyak tenaga elektrik yang perlu digunakan. Ini akan mengakibatkan bil elektrik menjadi tinggi.

### **Moral 6**

Baju yang masih elok tidak patut dibuang. Ia boleh diberi kepada orang lain yang lebih memerlukannya disamping dapat menanam sikap pemurah.

### **Moral 7**

Konsep kitar semula dan duit yang didapati boleh digunakan untuk pembelanjaan sekolah.

### **Moral 8**

Buku yang elok dijaga boleh diberi kepada adik beradik atau saudara mara kita. Dengan cara ini boleh menjimatkan perbelanjaan.

### **Moral 9**

Air yang ada tidak patut digunakan secara membazir. Penggunaan air yang bijak boleh menjimatkan bil air.

### **Moral 10**

Dengan menerapkan tabiat menutup suis lampu dan televisyen setiap kali selepas digunakan akan dapat menjimatkan bil elektrik.

## TAJUK 12: DUNIA CYBER INSURANS HAYAT

### Peruntukan masa:

Aktiviti ini mengambil masa selama satu jam 30 minit.


### Objektif:

Pada akhir pembelajaran ini, murid-murid akan dapat:

1. Mengenali syarikat-syarikat insurans hayat di Malaysia.
2. Megenali dan membezakan produk-produk insurans hayat.
3. Menerangkan kepentingan insurans hayat.

### Persediaan awal:

1. Sebagai langkah persediaan, guru boleh melayari laman web [www.insuransinfo.com.my](http://www.insuransinfo.com.my).
2. Guru perlu mengumpul semua risalah produk insurans hayat yang ada di pasaran.
3. Menyediakan maklumat laman web syarikat-syarikat insurans hayat di Malaysia seperti alamat dan lain-lain (sila rujuk lampiran 1).
4. Guru perlu menyediakan borang penilaian laman web (sila lihat contoh borang di lampiran 2).
5. Guru perlu mengatur urusan penggunaan makmal komputer sekolah untuk menggunakan kemudahan internet.



### Set Induksi/Pengenalan:

#### Aktiviti:

1. Pembentangan oleh guru berkenaan produk-produk insurans hayat dan menunjukkan risalah yang dikumpul.
2. Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan perlu melayari laman web yang ditentukan oleh guru.  
Ahli kumpulan perlu menganalisa laman web syarikat berkenaan dari segi persembahan keseluruhan, kualiti kandungan, paparan produk yang ditawarkan, reka bentuk laman web, kesenangan meninjau laman web dan lain-lain.
3. Kumpulan membuat pembentangan mengenai laman web tersebut dan memberi markah bagi setiap bahagian seperti di lampiran 1. Markah penuh ialah 100%.
4. Guru membuat rumusan berikut:
  - Kumpulan terbaik membuat pembentangan
  - Keistimewaan laman web yang dilawati
  - Kepentingan insurans hayat
  - Tahap kefahaman risalah produk

### Penutup:

Sesi soal jawab dan perbincangan berkaitan laman web dan risalah yang diberikan oleh guru. Sila lihat contoh soalan dan jawapan di lampiran 3.

### Disediakan oleh:

Kumpulan Persatuan Insurans Hayat Malaysia

## Lampiran I

### Maklumat Syarikat Insurans Hayat di Malaysia

 <p><b>Allianz</b> Life Insurance Malaysia Berhad Level 23 &amp; 23A, Wisma UOA II No. 21, Jalan Pinang 50450 Kuala Lumpur No. Tel : 03-2162 3388 No. Fax : 03-2162 6387 E-mail : partner@allianz.com.my Laman web:www.allianz.com.my</p>	 <p><b>AmAssurance</b> Berhad Level 9, Bangunan AmAssurance No. 1 Jalan Lumut 50400 Kuala Lumpur No. Tel : 03-4047 8000 No. Fax:03-4043 8680 E-mail: amassurance@ambg.com.my Laman web: www.amassurance.com.my</p>
 <p><b>American International Assurance</b> Company, Limited Menara AIA 99 Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur No. Tel : 03-2056 1111 No. Fax : 03-2056 2992 E-mail : corporate-ops.my@aig.com Laman web: www.aia.com.my</p>	 <p><b>AXA AFFIN</b> Life Insurance Berhad 8th Floor Chulan Tower 3 Jalan Conlay 50450 Kuala Lumpur No. Tel. : 03-2117 6688 No. Fax : 03-2117 3698 Email: customer.care@axa-life.com.my Laman web: www.axa.com.my</p>

## Maklumat Syarikat Insurans Hayat di Malaysia

### CIMB AVIVA

CIMB Aviva Assurance Berhad  
Level 11  
No. 338, Jalan Tuanku Abdul Rahman  
50100 Kuala Lumpur  
Telephone No.: 03 - 2612 3600  
Fax No.: 03 - 2698 7035  
Laman Web : [www.cimbaviva.com](http://www.cimbaviva.com)



Great Eastern Life Assurance (Malaysia)  
Berhad, Menara Great Eastern  
303, Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
Telephone No. : 03-4259 8888  
Fax No. : 03-4813 0500  
Email: [wecare@lifeisgreat.com.my](mailto:wecare@lifeisgreat.com.my)  
<http://www.lifeisgreat.com.my>

### hannover life re®

Hannover Life Re, Malaysian Branch  
Suite 31-1, 31st Floor  
Wisma UOA II  
No. 21, Jalan Pinang  
50450 Kuala Lumpur  
No. Tel : 03-2164 5122/03-2164 6122  
No. Fax : 03-2164 5129/03-2164 6029  
Laman Web: [www.hannoverlifere.com](http://www.hannoverlifere.com)



Hong Leong Assurance Berhad  
Level 26, Menara HLA  
No. 3 Jalan Kia Peng  
50450 Kuala Lumpur  
No. Tel. : 03-7650 1818  
No. Fax : 03-2713 1999  
Laman Web: [www.hla.com.my](http://www.hla.com.my)



ING Insurance Berhad  
Menara ING  
84 Jalan Raja Chulan  
P.O. Box 10846  
50927 Kuala Lumpur  
Telephone No : 03-2058 4838  
Fax No: 03-2161 0549  
Toll Free: 1 800 88 0303  
<http://www.ing.com.my>



Etiqa Insurance Berhad  
Level 19, Tower C  
Dataran Maybank  
No. 1, Jalan Maarof  
59000 Kuala Lumpur  
Telephone No : 03-2297 1888  
Fax No : 03-2297 1800  
Online Contact Centre: 1-300-13-8888  
Email: [info@etiqa.com.my](mailto:info@etiqa.com.my)  
<http://www.etiqa.com.my>

## Maklumat Syarikat Insurans Hayat di Malaysia



Malaysian Assurance Alliance Berhad  
11th Floor, Menara MAA  
No. 12, Jalan Dewan Bahasa  
50460 Kuala Lumpur  
Telephone No : 03-2146 8000  
Fax No : 03-2142 5863  
<http://www.maa.com.my>



Malaysian Life Reinsurance Group Berhad  
3B/21-3 Block 3B  
Level 21, Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
No. Tel. : 03-2780 6611  
No. Fax : 03-2780 6622  
Email: [info@mlre.igare.com](mailto:info@mlre.igare.com)



Manulife Insurance (Malaysia) Berhad  
12th Floor, Menara Manulife RB  
6, Jalan Gelenggang  
Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur  
No.Tel: : 03-2719 9228  
No. Fax : 03-2094 0972  
Laman Web: [www.manulife.com.my](http://www.manulife.com.my)



Level 22, MaybanLife Tower  
Dataran Maybank  
No. 1, Jalan Maarof  
59000 Kuala Lumpur  
No. Tel : 03-2297 1888  
No. Fax: 03-2297 1800  
E-mail : [support@maybanlife.com.my](mailto:support@maybanlife.com.my)  
<http://www.maybank2u.com>


## Maklumat Syarikat Insurans Hayat di Malaysia

### MCIS ZURICH INSURANCE

MCIS ZURICH Insurance Berhad  
Wisma MCIS ZURICH, Jalan Barat  
46200 Petaling Jaya, Selangor  
No. Tel.: 03-7955 2577  
No. Fax: 03-7957 4780 / 03-7956 3295  
E-mail: [info@mciszurich.com.my](mailto:info@mciszurich.com.my)  
Laman Web: [www.mciszurich.com.my](http://www.mciszurich.com.my)



Prudential Assurance Malaysia Berhad  
Level 17, Menara Prudential  
10, Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
No. Tel : 03-2031 8228  
No. Fax: 03-2032 3939/2070 6270  
E-mail: [customer.mys@prudential.com.my](mailto:customer.mys@prudential.com.my)  
Laman Web: [www.prudential.com.my](http://www.prudential.com.my)



TM Asia Life Malaysia Bhd  
Ground Floor,  
Menara TM Asia Life  
189, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Telephone No : 03-2059 6188  
Fax No : 03-21628068  
<http://www.tmasialife.com.my>



Uni.Asia Life Assurance Berhad  
8th Floor, Bangunan Uni.Asia  
16 Jalan Tun Tan Siew Sin  
50050 Kuala Lumpur  
No. Tel. : 03-2072 1775  
No. Fax: 03-2031 4689  
Laman Web: [www.uniasialife.com.my](http://www.uniasialife.com.my)

## Lampiran 2

### Borang Penilaian Laman Web

Nama syarikat: .....

Alamat laman web: .....

Tarikh penilaian dibuat: .....

Nama ahli-ahli kumpulan:

i. ....

ii. ....

iii. ....

iv. ....

v. ....

Kualiti kandungan (20%)	Paparan produk yang ditawarkan (20%)	Rekabentuk laman web (20%)	Kesenangan meninjau laman web (20%)	Persembahan keseluruhan (15%)	Lain-lain (5%)	Jumlah (100%)

Komen Ahli Kumpulan:

.....

.....

.....

Tandatangan Ketua Kumpulan

.....

Nama:

Maklumat Lengkap Guru

.....

.....

## Lampiran 3

### Contoh Soalan Serta Jawapan

a) *Soalan: Adakah insurans hayat mahal?*

**Jawapan:** Insurans hayat adalah lebih murah jika dibeli semasa umur masih muda. Semakin meningkat umur pembeli insurans hayat, semakin mahal harganya. Umur minimum untuk layak membeli insurans hayat ialah 18 tahun.

b) *Soalan: Bagaimana cara untuk mendapat harga terendah bagi insurans hayat?*

**Jawapan:** Harga polisi insurans hayat secara umumnya bergantung kepada jenis polisi yang dibeli dan waktu bila polisi dibeli. Jika polisi dibeli ketika muda, premiumnya akan menjadi lebih murah. Jika polisi dibeli pada umur yang lewat, premium polisi akan menjadi lebih mahal.

c) *Soalan: Bolehkah saya mendapat balik wang yang dibayar untuk insurans hayat jika tidak berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini sehingga tempoh polisi matang?*

**Jawapan:** Pembeli insurans hayat boleh mendapat semula wang yang dibayar berserta jumlah yang diinsuranskan berdasarkan jenis insurans hayat yang dibeli, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan.

d) *Soalan: Daripada siapakah kita boleh membeli insurans hayat?*

**Jawapan:** Insurans hayat boleh dibeli daripada ejen insurans hayat yang berdaftar dengan syarikat insurans hayat dan atau daripada bank yang menawarkan produk bankassurans.

e) *Soalan: Kenapa saya perlu membeli insurans hayat?*

**Jawapan:** Insurans hayat dapat membantu meringankan beban kewangan jika berlaku musibah atau mala petaka yang menyebabkan kematian atau kecacatan yang kekal. Orang yang tidak mampu berkerja semula selepas mengalami kemalangan akan dibayar berdasarkan jumlah diinsuranskan dan jika berlaku kematian kepada orang diinsuranskan, wang insurans akan diberikan kepada suami/isteri/ibu bapa atau penama.

Selain daripada itu, polisi insurans hayat tertentu boleh bertindak sebagai simpanan untuk hari tua, untuk perbelanjaan pembelajaran serta membolehkan pemegang polisi melabur untuk mendapatkan pulangan yang menarik.

f) *Soalan: Apakah umur minimum untuk layak membeli polisi insurans hayat?*

**Jawapan:** Umur minimum untuk layak membeli polisi insurans hayat ialah 18 tahun. Walau bagaimanapun, ibu bapa atau penjaga boleh membeli insurans hayat untuk melindungi tanggungan mereka bermula umur sehari.

g) *Soalan: Berapakah jumlah yang munasabah untuk mendapatkan perlindungan insurans hayat yang mencukupi?*

**Jawapan:** Tiada jumlah yang tertentu yang dapat dikatakan sebagai mencukupi. Semuanya bergantung kepada keperluan pembeli polisi insurans hayat. Jika pembeli insurans hayat tersebut berpendapatan tinggi, jumlah insurans yang dibeli mungkin tinggi dan jika pendapatannya, sederhana, jumlah yang dibeli mungkin lebih rendah.

Walaupun bagaimanapun, secara umumnya, kita boleh menjangka jumlah yang perlu dibeli berdasarkan harga di pasaran. Sebagai contoh, jika kita mengetahui secara umumnya, untuk merawat penyakit kanser memerlukan perbelanjaan sekitar RM100,000, jika kita bercadang untuk membeli polisi insurans hayat untuk 36 penyakit kritikal (termasuk rawatan untuk penyakit kanser), kita boleh membeli polisi insurans hayat berserta rider untuk 36 penyakit kritikal berjumlah RM100,000 atau RM150,000 untuk persediaan.

h) *Soalan: Apakah jenis-jenis polisi insurans hayat yang patut dibeli?*

**Jawapan:** Untuk permulaan, adalah dinasihatkan seseorang itu mengambil polisi insurans hayat seumur hidup dan disertakan dengan kad perubatan – untuk mendapatkan perlindungan jika berlaku kematian atau kehilangan keupayaan kekal. Sekiranya seseorang itu, telah berkeluarga dan mempunyai anak, pelan insurans hayat berbentuk pendidikan untuk anak tersebut adalah yang terbaik. Sekiranya difikirkan perlu untuk mendapatkan perlindungan perubatan untuk 36 penyakit kritikal, pelan insurans hayat tersebut boleh menjadi pilihan.

Untuk menilai keperluan insurans hayat seseorang individu, adalah dinasihatkan orang tersebut mendapatkan khidmat nasihat professional daripada ejen insurans hayat atau perunding kewangan yang berdaftar.

## TAJUK 13: MENABUNG MENJAMIN MASA DEPAN

### Peruntukan masa:

Aktiviti ini mengambil masa selama satu jam.

### Objektif:

Pada akhir pembelajaran ini, murid-murid akan dapat:

1. Menerangkan kepentingan menabung.
2. Mengamalkan tabiat menabung.
3. Mengamalkan perbelanjaan yang positif.

### Persediaan awal

Guru menyediakan peralatan berikut:

1. Tin Milo pelbagai saiz
2. Kertas warna/hiasan
3. Gam
4. Gunting
5. Kertas lukisan
6. Pensil warna



### Set induksi/Pengenalan:

1. Guru memberi penerangan cara membuat tabung daripada tin Milo.
2. Guru bertanya pelajar jumlah wang saku yang diterima masing-masing setiap hari dan bagaimana wang tersebut dibelanjakan.
3. Guru menerangkan kepada pelajar mengenai perbelanjaan yang positif (contoh perbelanjaan positif - makanan berkhasiat, peralatan sekolah, buku cerita dan lain-lain).
4. Guru menerangkan cara menyimpan wang yang efektif.

### Pengenalan aktiviti

#### Aktiviti 1

1. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan (bilangan kumpulan dan bilangan pelajar dalam setiap kumpulan bergantung kepada bilangan ahli kelab).
2. Guru membahagikan peralatan di atas kepada setiap kumpulan. Semua pelajar dalam kelas mengeluarkan semua barang yang akan digunakan untuk aktiviti di atas.
3. Guru menyuruh pelajar meneliti wang perbelanjaan dan simpanan harian yang telah direkodkan dalam Buku Wang Saku.
4. Guru menunjukkan cara melukis sebatang pokok.
5. Guru meminta semua pelajar melukis sebatang pokok mengikut contoh yang telah ditunjukkan oleh guru.

## **Aktiviti 2**

1. Guru menerangkan kepada pelajar bahawa pokok yang dilukis adalah simbolik bagi urusan perbelanjaan harian mereka.
2. Guru meminta pelajar melukis ranting berwarna hijau yang mempunyai daun yang subur sebagai simbol wang simpanan mereka. Manakala ranting yang kering berwarna coklat sebagai simbol kepada perbelanjaan mereka.
3. Guru menggunakan analogi pokok rendang yang mempunyai daun yang banyak dan segar boleh melindungi kita dan menjadi tempat berteduh pada masa hadapan. Semakin banyak simpanan, semakin banyak dahan-dahan rendang dengan daun yang menghidu bagi melindungi kita.

## **Penutup:**

Guru membuat rumusan kebaikan menabung dan cara menyimpan wang yang efektif bagi menjamin masa hadapan pelajar.

Contohnya:

Simpanan 1 hari sebanyak 0.50 sen

Simpanan 1 minggu  $0.50 \text{ sen} \times 5 \text{ hari} = \text{RM}2.50$

Simpanan 1 bulan  $\text{RM}2.50 \times 4 \text{ minggu} = \text{RM} 10.00$

Simpanan 1 tahun  $\text{RM} 10.00 \times 12 \text{ bulan} = \text{RM} 120.00$

Oleh yang demikian, wang yang disimpan dapat digunakan untuk pelbagai kegunaan di masa hadapan. Contohnya, untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, kegunaan semasa kecemasan dan untuk mengurangkan bebanan keluarga.